



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SELEPAS SEDEKAD, MALAYSIA KEMBALI MENERAJUI SISTEM STATISTIK KOMUNITI ASEAN (ACSS) TAHUN 2025

PUTRAJAYA, 28 NOVEMBER 2024 – Malaysia secara rasmi kembali menggalas kepengerusian Sistem Statistik Komuniti ASEAN (ACSS) bagi tahun 2025 selepas sedekad, setelah kejayaan mengetuai ACSS pada tahun 2015. Pencapaian ini menandakan langkah penting dalam merancakkan kerjasama sistem statistik serantau. Pengumuman itu dibuat semasa Sesi ke-14 Jawatankuasa ACSS (ACSS14), yang berlangsung dari 26 hingga 28 November 2024 di Vientiane, Lao PDR, anjuran Biro Statistik Lao PDR. Sesi tersebut dipengerusikan oleh YBrs. Puan Phonesaly Souksavath, Ketua Perangkawan Lao PDR dan dipengerusikan bersama oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Pada tahun 2025, Malaysia akan memfokuskan usaha kepada peneraju agenda strategik ACSS, khususnya dalam memperkuuh kapasiti statistik ASEAN, menyokong penggubalan dasar berdasarkan data dan memacu inisiatif ke arah integrasi serantau yang lebih mampu dan inklusif.

DOSM terus menunjukkan komitmen teguhnya dalam memperkuuh kerjasama statistik serantau dengan menerajui bersama Sekretariat ASEAN (ASEANstats), Filipina dan Indonesia dalam beberapa inisiatif utama ASEAN. Inisiatif ini merangkumi Pelan Tindakan ACSS 2026-2030 & Petunjuk Prestasi Utama yang berkaitan, *Handbook for Mirror Analysis on Merchandise Trade Statistics* dan *ASEAN Annual Priority List* tahun 2025.

Matlamat utama inisiatif-inisiatif ini adalah untuk memperkuuh hala tuju strategik statistik ASEAN, memacu integrasi serantau melalui sistem data yang lebih kukuh, serta menyediakan panduan yang jelas untuk meningkatkan ketepatan dan konsistensi data di seluruh rantau ASEAN.

Di bawah Rangka Kerja ASEAN-Help-ASEAN untuk Pembinaan Kapasiti ACSS, DOSM telah memainkan peranan aktif dengan menyumbang kepakaran dalam enam program latihan. Selain itu, DOSM turut memperkuuh pengetahuan dan kemahiran melalui penyertaan dalam 17 program latihan yang dianjurkan dengan kerjasama ASEANstats. Hasil daripada penyertaan ini, manfaat dan pengetahuan yang diperoleh telah dikongsi bersama Negara-Negara Anggota ASEAN (AMS), sejajar dengan semangat kerjasama serantau.

DOSM juga berkhidmat sebagai Pengurus Kumpulan Kerja Sistem Akaun Negara (WGSNA) selama dua penggal berturut-turut dari 2021 hingga 2024 dan membentangkan kemajuan inisiatif penyelarasan data. DOSM berkongsi pengalamannya dalam *National Data Governance, Data Stewardship and Data Integration*, menekankan komitmen DOSM terhadap pembangunan ekosistem data yang kukuh di seluruh rantau ASEAN.

ACSS14 menghimpunkan **35 peserta**, termasuk Ketua Statistik Negara dan *focal point* ACSS-SCPC daripada semua 10 AMS dan Timor-Leste, bersama wakil daripada organisasi antarabangsa, termasuk *Asian Development Bank (ADB)*, *Enhanced Regional EU-ASEAN Dialogue Instrument (E-READI)*, *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP)*, *International Labour Organization (ILO)*, *International Monetary Fund (IMF)*, *United Nations Entity for Gender Equality and the Empowerment of Women (UN Women)*, *United Nations Population Fund (UNFPA)*, *Artemis Information Management, S.A.*, *COL LEGNO Co., Ltd and Statistics Norway*. Penyertaan mereka menekankan peranan penting rakan kongsi pembangunan dalam menyokong misi ACSS, terutamanya dalam mengukuhkan rangka kerja institusinya, meningkatkan perbandingan data untuk integrasi ASEAN dan menangani jurang kapasiti statistik di kalangan AMS.

Mengimbas kembali sesi tersebut, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir meluahkan rasa teruja dan berbesar hati untuk mengalu-alukan kehadiran semua delegasi ke Malaysia pada tahun hadapan, bersempena dengan kepengerusian Malaysia bagi ACSS15. Beliau berkata, "Saya menggesa semua AMS untuk mengambil bahagian secara aktif, kerana penglibatan anda amat penting dalam merealisasikan matlamat bersama kita. Marilah kita bersatu padu, menggembungkan tenaga dan semangat untuk memajukan agenda statistik ASEAN dan global, demi memastikan suara rantau kita didengar di peringkat antarabangsa." Beliau mengakhiri ucapannya dengan harapan agar semua delegasi terus kekal selamat, fokus dan teguh melangkah ke hadapan dengan keazaman serta semangat perpaduan.

Pada tahun hadapan dunia akan tertumpu kepada Malaysia bila mana kita menggalas tanggungjawab kepengerusian ASEAN. Justeru Malaysia bakal memainkan peranan penting yang akan merancakkan kerjasama serantau dan global dalam pelbagai dimensi termasuk ekonomi, kewangan, perdagangan, pertahanan, keselamatan, sosial, kesihatan, pendidikan, pelancongan, statistik, alam sekitar dan lain-lain.

Dalam hubungan ini, DOSM dan semua agensi statistik di negara-negara ASEAN serta negara-negara lain di dunia memainkan peranan yang penting bagi menyediakan data, statistik dan maklumat yang diperlukan untuk keputusan-keputusan utama di peringkat nasional dan antarabangsa oleh kerajaan, pelabur, peniaga, agensi penarafan antarabangsa, ahli akademik, penyelidik, NGO dan badan-badan antarabangsa seperti UN, World Bank, IMF, ADB dan lain-lain.

Di peringkat dunia, Suruhanjaya Statistik UN yang bersidang setiap tahun memainkan peranan penting dalam memberi pandu arah dan rangka kerja sistem statistik rasmi

bagi membolehkan metodologi, konsep, definisi, manual dan lain-lain yang diguna dalam statistik rasmi di setiap negara memenuhi piawaian antarabangsa. Keberadaan perkhidmatan statistik yang teguh dapat menyediakan statistik yang komprehensif dalam membuat keputusan yang tepat di peringkat nasional dan global.

Semasa ACSS14, Ketua Perangkawan Malaysia diiringi oleh Puan Ezatul Nisha Abdul Rahman, Pengarah Pejabat Pengurusan Perubahan (CMO) dan ahli ACSS *Sub-Committee on Planning and Coordination* (ACSS-SCPC).

ACSS berfungsi sebagai badan penggubal dasar dan penyelaras tertinggi bagi statistik ASEAN yang ditubuhkan pada tahun 2011, menggantikan Mesyuarat Ketua Pejabat Statistik ASEAN (AHSOM), yang telah bersidang sejak tahun 1997. ACSS menyediakan panduan profesional dalam menyusun, menyebar dan menyampaikan statistik untuk menyokong Komuniti ASEAN. Ia beroperasi di bawah rangka kerja kerjasama yang melibatkan Sistem Statistik Kebangsaan (NSS) AMS, ASEANstats dan Majlis Komuniti ASEAN. Ia melaporkan terus kepada Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) melalui Mesyuarat Pegawai Ekonomi Kanan (SEOM). Untuk meneruskan misinya, ACSS telah menubuhkan tujuh Kumpulan Kerja khusus yang berdedikasi untuk penyelarasan dan penyeragaman statistik ASEAN yang efektif.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 NOVEMBER 2024**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

AFTER A DECADE, MALAYSIA REASSUMES LEADERSHIP OF THE ASEAN COMMUNITY STATISTICAL SYSTEM (ACSS) FOR 2025

PUTRAJAYA, 28TH NOVEMBER 2024 – Malaysia has officially reassumed the Chairmanship of the ASEAN Community Statistical System (ACSS) for 2025 after a decade, following its previous leadership in 2015. This milestone marks a significant step in strengthening regional statistical collaboration. The announcement was made during the 14th Session of the ACSS Committee (ACSS14), held from 26th to 28th November 2024 in Vientiane, Lao PDR, hosted by the Lao Statistics Bureau. The session was chaired by Ms. Phonesaly Souksavath, Chief Statistician of Lao PDR and co-chaired by Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia. As the Chair of ACSS for 2025, Malaysia will focus on leading the strategic agenda of ACSS, particularly in strengthening ASEAN's statistical capacity, supporting data-driven decision-making and driving initiatives towards more sustainable and inclusive regional integration.

DOSM demonstrated its strong commitment in regional statistical collaboration by co-leading with ASEANstats, the Philippines and Indonesia in key initiatives. These initiatives encompass the ACSS Action Plan 2026-2030 & its associated Key Performance Indicators, the Handbook for Mirror Analysis on Merchandise Trade Statistics and the ASEAN Annual Priority List for 2025. The primary objectives of these initiatives are to enhance the strategic direction of ASEAN statistics, drive regional integration through enhanced data systems and provide critical tools to improve data accuracy and consistency across ASEAN.

The primary objectives of these initiatives are to strengthen the strategic direction of ASEAN statistics, drive regional integration through more robust data systems, and provide clear guidelines to improve the accuracy and consistency of data across the ASEAN region.

Under the ASEAN-Help-ASEAN Framework for ACSS Capacity Building, DOSM has played an active role by contributing expertise in six training programs. In addition, DOSM has further strengthened its knowledge and skills through participation in 17 training programs organized in collaboration with ASEANstats. As a result of this participation, the benefits and knowledge gained have been shared with other ASEAN Member States (AMS), in line with the spirit of regional cooperation.

DOSM also served as the chair of the Working Group on System of National Accounts (WGSNA) for two consecutive terms, from 2021 to 2024 and emphasised advancements made in data harmonization initiatives. DOSM shared its experiences in National Data Governance, Data Stewardship and Data Integration, reaffirming its commitment to developing a robust data ecosystem throughout the ASEAN region.

ACSS14 brought together **35 participants**, including Heads of National Statistics Offices and ACSS-SCPC focal points from all 10 AMS, alongside representatives from international organisations. These included the Asian Development Bank (ADB), Enhanced Regional EU-ASEAN Dialogue Instrument (E-READI), United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP), International Labour Organization (ILO), International Monetary Fund (IMF), United Nations Entity for Gender Equality and the Empowerment of Women (UN Women), United Nations Population Fund (UNFPA), Artemis Information Management, S.A., COL LEGNO Co., Ltd and Statistics Norway. Their participation underscored the vital role of development partners in supporting ACSS's mission, particularly in strengthening its institutional framework, enhancing data comparability for ASEAN integration and addressing statistical capacity gaps among AMS.

Recalling on the session, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir expressed his enthusiasm for welcoming all participants to Malaysia next year as part of the country's ACSS15 Chairmanship. He said, "I encourage all AMS to participate actively, as your engagement is crucial to achieving our shared goals. Let us unite with energy and passion to advance the ASEAN and global statistical agenda, ensuring that our region's voice is heard on the world stage." He concluded by urging everyone to stay safe, stay focused and moves forward with determination and solidarity.

Next year, the world will focus on Malaysia as we assume the responsibility of ASEAN chairmanship. Therefore, Malaysia will play an important role that will boost regional and global cooperation in various dimensions including economy, finance, trade, defence, security, social, health, education, tourism, statistics, environment and others.

In this regard, DOSM and all statistical agencies in ASEAN and other countries worldwide play a significant role in providing data, statistics and information necessary for key decisions at the national and international levels by governments, investors, traders, international rating agencies, academics, researchers, NGOs and international bodies such as the UN, World Bank, IMF, ADB, and others.

At the global level, the UN Statistical Commission, which meets annually, plays an important role in guiding and framing the official statistical system to ensure that the methodologies, concepts, definitions, manuals, and other materials used in official statistics in each country meet international standards. The existence of robust statistical services can provide comprehensive statistics to help make the right decisions at the national and global levels.

During ACSS14, the Chief Statistician of Malaysia was accompanied by Ms. Ezatul Nisha Abdul Rahman, the Director of the Change Management Office (CMO) and a member of the ACSS Sub-Committee on Planning and Coordination (ACSS-SCPC).

ACSS serves as the highest policy-making and coordinating body for ASEAN statistics established in 2011, succeeding the ASEAN Heads of Statistical Offices Meeting (AHSOM), which had convened since 1997. The ACSS provides professional guidance on compiling, disseminating and communicating statistics to support the ASEAN Community. It operates under a collaborative framework involving the National Statistical Systems (NSS) of AMS, the ASEAN Secretariat (ASEANstats) and ASEAN Community Councils. It reports directly to the ASEAN Economic Ministers (AEM) via the Senior Economic Officials Meeting (SEOM). To further its mission, the ACSS has established seven specialised Working Groups dedicated to the effective harmonisation and standardisation of ASEAN statistics.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 NOVEMBER 2024**